



**KEMUDAHAN:** Para pelajar UPMKB yang menerima sumbangan komputer riba merakamkan kenangan bersama Abdullah (berdiri, empat kiri), Dr Kamil (berdiri, tengah) dan pengurusan UPMKB.

## 10 pelajar baharu UPMKB terima sumbangan komputer riba

**BINTULU:** Pusat Wakaf, Zakat dan Endowmen (WA-ZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM telah menyumbang komputer riba kepada 10 pelajar baharu UPMKB di sini sempena Program Semarak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) kelmarin.

Jurucakap penyumbang berkata, sumbangan tersebut merupakan inisiatif UPMKB dalam meningkatkan akses, kemudahan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar keluarga B40.

Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UPM Abdullah Arshad disaksikan Pengetua Kolej merangkap Ketua Hal Ehwal Pelajar UPMKB Dr Kamil Latif.

Sementara itu, Abdullah berkata, sebagai mahasiswa baharu universiti, mereka perlu menyeimbangkan pencapaian akademik dengan melibatkan diri dalam kegiatan kurikulum supaya mereka mampu diben-

tuk sebagai graduan yang holistik.

“Kita menyeru pelajar menggunakan tempoh pengajian dengan sebaiknya bagi menggali dan mengembangkan potensi diri mereka,” ujarnya.

Beliau berkata, inisiatif kebajikan UPM adalah langkah penting dalam memastikan pelajar UPMKB memiliki peralatan mencukupi semasa tempoh pengajian mereka serta untuk membantu mereka mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik dan kurikulum.